

Tambahan ringgit wajar disemak – pakar ekonomi

UM 10 APR 2005

KUALA LUMPUR 9 April – Pakar-pakar ekonomi berpendapat, nilai tambatan ringgit wajar disemak semula, tetapi dalam masa yang sama mekanisme menetapkan kadar tukaran wang perlu dipertahankan.

Pakar ekonomi, Dr. Nungsari Ahmad Radhi berkata, nilai tambatan ringgit sekarang iaitu sebanyak RM3.80 kepada setiap dolar Amerika Syarikat (AS) perlu dikaji ekoran penurunan nilai mata wang tersebut berbanding mata wang yen dan euro.

“Lagipun, sudah tiba masanya untuk tambatan ringgit ini dibuka kerana semakin lama kita menunggu, semakin besar kepentingan sama ada tambatan ini perlu disemak semula atau dikekalkan.

“Jika keadaan ini berterusan, tambatan ringgit akan semakin sukar untuk dibuka dan bagi pelabur pula, situasi untung atau rugi mereka juga akan berbelah bagi,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas saranan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad supaya nilai tambatan ringgit disemak semula supaya ia berada pada kadar yang lebih sesuai dengan pengukuhan nilai mata wang itu.

Dr. Mahathir ketika menyuarakan saranan itu selepas perasmian mesyuarat agung tahunan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Kuala Lumpur (DPMMKL) kelmarin berkata, semua faktor petunjuk ekonomi antaranya penurunan nilai dolar AS, kenaikan harga petroleum dan pengukuhan kembali ringgit menjadi pendorong kepada semakan nilai tambatan yang baru.

Bagaimanapun, beliau yang memperkenalkan tambatan ringgit pada 1 September 1998 ketika menjadi Perdana Menteri berkata, terpulang kepada kerajaan untuk menerima pandangannya itu.

Menurut Nungsari, ekoran semakan semula tambatan ringgit tersebut, ekonomi negara tidak dapat menolak daripada mengalami kesan positif dan negatif terutamanya berkaitan keseimbangan nilai import dan eksport.

Namun katanya, apa yang lebih penting, pelabur asing perlu diberi keyakinan mengenai kekukuhan nilai mata wang negara berbanding mata wang utama dunia.

Sementara itu, Pensyarah Fakulti Ekonomi, Universiti Utara Malaysia (UUM) Prof. Madya Dr. Asan Ali Golam Hassan berkata, nilai ringgit akan naik lebih tinggi

berbanding setiap dolar AS sekiranya dilepaskan ke pasaran kerana ia berada di bawah nilai ketika ini.

“Sebab itu situasi ini perlu direbut kerana tambatan nilai ringgit sekarang lebih banyak memberi kelebihan kepada pengusaha berbanding pengguna terutamanya berkenaan harga barang import yang menjadi mahal,” katanya.

Bagaimanapun, beliau menambah, kerajaan sama ada mahu mengekalkan tambatan ringgit tersebut atau sebaliknya perlu mengemukakan segera bagi mengekalkan keyakinan pelabur.

Katanya, ketika ini, pelabur tertunggu-tunggu dasar kerajaan terhadap tambatan ringgit tersebut kerana bimbang kesannya terhadap eksport dan import sekiranya kerajaan melepaskan ringgit selepas pelaburan mereka.

Sementara itu, pakar ekonomi, Dr. Hamzaid Yahya berkata, kajian terperinci dan menyeluruh terhadap kesan positif dan negatif perlu dilakukan sebelum nilai tambatan ringgit disemak semula.

Katanya, ia bagi mengelakkan kesan terhadap keseimbangan nilai import dan eksport yang boleh menyebabkan harga barang di negara ini menjadi semakin mahal.